

## **TAKLIMAT AUDIT DALAM QE/5S IBU PEJABAT JUPEM**

Jawatankuasa Latihan dengan kerjasama Jawatankuasa Audit telah menganjurkan Taklimat Audit Dalam QE/5S pada 24 Julai 2020 bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 15, Wisma JUPEM. Taklimat telah dipengerusikan oleh Sr Hj. Abdul Halim bin Tuiran, Penolong Ketua Jawatankuasa Audit. Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada Juru Audit Dalam Ibu Pejabat telah hadir ke sesi taklimat tersebut. Taklimat bertujuan memberi pendedahan kepada Juru Audit mengenai kaedah pelaksanaan dan skema pemarkahan audit dalam Ibu Pejabat JUPEM. Taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Setiausaha Jawatankuasa Audit dan wakil daripada pihak Urus Setia.

